

WHO isytihar penularan darurat kesihatan global

Jangkitan merebak, lebih 16,000 kes dilaporkan di 75 negara

Geneva: Ketua Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan penularan cacar monyet sebagai darurat kesihatan global, amaran tahap tertingginya.

“Saya sudah memutuskan bahawa penularan cacar monyet

global melambangkan darurat kesihatan global yang berpotensi mencetuskan kebimbangan peringkat antarabangsa,” umum Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, kelmarin.

“Ketika itu, 3,040 kes cacar monyet dilaporkan kepada WHO dari 47 negara,” tulisnya dalam catatan di Twitter.

“Sejak itu, penularan terbabit sudah merebak dan kini terdapat lebih 16,000 kes dilaporkan dari 75 negara serta wilayah dan lima kematian.”

Pada 23 Jun lalu, WHO menubuhkan sebuah jawatankuasa kecemasan (EC) yang terdiri daripada pakar bagi memutus-

kan sama ada cacar monyet menunjukkan ciri-ciri yang boleh menggolongkannya sebagai darurat kesihatan global yang berpotensi mencetuskan kebimbangan peringkat antarabangsa atau PHEIC iaitu tahap amaran tertinggi agensi kesihatan PBB itu.

Belum capai tahap amaran

Bagaimanapun, majoriti anggota jawatankuasa itu menasihati Tedros bahawa keadaan pada ketika itu belum mencapai ambang tahap amaran terbabit.

Mesyuarat kedua diadakan Khamis lalu dengan jumlah kes jangkitan semakin mening-

kat, dengan Tedros meluahkan kebimbangannya.

“Saya memerlukan nasihat anda untuk menilai implikasi kesihatan awam pada jangka segera dan pertengahan,” Tedros memberitahu mesyuarat itu yang diadakan selama lebih enam jam.

Bagaimanapun, pakar kesihatan Amerika Syarikat (AS) mengeluarkan amaran tegas Jumaat lalu.

“Sejak EC #cacarmonyet hanya beberapa minggu lalu, kami sudah menyaksikan kenaikan tinggi pada jumlah kes. Tidak dapat dielakkan bahawa kes akan meningkat secara mendadak dalam masa beberapa minggu dan beberapa

“Saya sudah memutuskan bahawa penularan cacar monyet global melambangkan darurat kesihatan global yang berpotensi mencetuskan kebimbangan peringkat antarabangsa”



Tedros Adhanom Ghebreyesus,
Ketua Pengarah WHO

bulan akan datang. Itulah sebabnya @DrTedros perlu mengisytiharkan darurat global.

“Kegagalan untuk bertindak akan membawa padah buruk kepada kesihatan global,” kata Lawrence Gostin, Pengarah Pusat Kolaborasi WHO mengenai Undang-Undang Kesihatan Nasional dan Global, di Twitter. AFP